


## Malaysia sedia memanfaatkan pendigitalan - Cyberview

Ogos 24, 2021 @ 3:52pm



(Gambar fail) Kelihatan seorang belia menggunakan telefon bimbit ketika melalui mercu tanda " I Love KK " di mana Sabah bakal menikmati pembangunan infrastruktur Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang akan meningkatkan kemudahan jalur lebar di Sabah dengan kos RM2.45 bilion. - NSTP/ASWADI ALIAS.

**KUALA LUMPUR:** Malaysia bersedia untuk memanfaatkan pendigitalan berikutan keperluan untuk membuat perubahan dilihat ketara semasa pandemik COVID-19, demikian mengikut Cyberview Sdn Bhd.

Ketua Bahagian Pembangunan Hab Teknologinya, Shafinaz Salim menegaskan mengenai keperluan untuk mendidik perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berhubung penggunaan digitalisasi.

Beliau berkata terdapat beberapa penyelesaian di peringkat tempatan yang boleh digunakan untuk pendigitalan.

"Malah, bagi kami di Cyberview, apabila kita bercakap tentang tonggak strategi Cyberjaya dari segi bandar pintar, kami berkongsi pengetahuan dan pengalaman kami kepada semua agensi kerajaan mengenai bandar pintar. Terdapat negeri berbeza yang mempunyai keperluan geografi dan pembiayaan yang berlainan, tidak semua mempunyai kelebihan kerana kebanyakannya berada di pinggir bandar atau di kawasan luar bandar.

"Bagaimanapun, kesemuanya teruja untuk memulakannya. Yang penting bagaimana mereka boleh melakukannya. Sebagai permulaan, di manakah mereka boleh mendapatkan bantuan, sesuatu yang tidak perlu mereka lakukan dari awal," katanya semasa program 'Tech Talk for 2021' Cyberview, kali ketiga yang diadakan secara maya hari ini.

Shafinaz berkata demikian ketika ditanya sama ada Malaysia telah bersedia untuk pendigitalan.

Sementara itu, rakan pengurusan Finnext Capital Sdn Bhd Aizat Rahim berkata PKS perlu menguruskan aliran tunai mereka dengan lebih baik dan membuat lebih banyak pelaburan dalam inovasi untuk terus maju.

"Banyak perniagaan berpendapat, ketika mereka mahu melakukan digitalisasi, ia memerlukan pelaburan yang besar...tetapi, ia tidak benar. Penyelesaian teknologi sebenarnya murah, serendah RM5 setiap bulan.

"Mereka perlu melihat apakah penyelesaian yang diperlukan dan pada masa ini juga, kerajaan telah menyediakan banyak insentif. MDEC misalnya, menyediakan geran. Kos untuk menjalankan pendigitalan sebenarnya murah," katanya.

Bagaimanapun, rakan Itxotic Sdn Bhd, Ammar Zolkipli berkata kurangnya kumpulan kemahiran yang sesuai adalah isu jangka panjang yang tidak diselesaikan dengan lebih awal.

"Kekurangan Malaysia adalah set kemahiran. Saya berpandangan, dasar adalah sesuatu yang tidak kita perkukuh, oleh itu perniagaan tanpa dasar yang teguh, akan cuba untuk melakukan yang termampu untuk terus beroperasi dan tidak mendorong pertumbuhan inovasi.

"Ia hanya memacu pertumbuhan hasil," katanya.

– Bernama